

BERITA HARIAN 7/4/2015

LIGA IPT

MMU pamer kebangkitan atasi KKP

Kuala Lumpur: Selepas mengharungi empat perlawanan, Universiti Multimedia (MMU) menampakkan kebangkitan apabila menewaskan Kolej Komuniti Pahang (KKP) 2-1 dalam aksi bola sepak Divisyen Satu Liga Institusi Pengajian Tinggi di Stadium Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nili, Sabtu lalu.

Skuad MMU dari Cyberjaya itu tewas dalam tiga aksi terawal. Kemenangan ini melonjak pasukan bimbingan Mohd Faizal Md So'od ke tangga kelima daripada tujuh pasukan -

kedudukan terakhir untuk kekal dalam Divisyen Satu musim depan.

"Saya harap ini satu permulaan baik buat MMU selepas hambar pada awal saingan," kata Mohd Faizal yang bersama skuad ini sejak satu dekad lalu.

Sabtu ini tiada perlawanan dan MMU akan menentang Kolej Komuniti Kedah (KK Kedah) di Stadium USIM 18 April ini.

Sementara pendahulu liga, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus garang dan kali ini KK Kedah menjadi amukan pasukan dari Kuala Terengganu 5-1.

KEPUTUSAN

DIV 1

KK Pahang	1	2	MMU
UniSZA	5	1	KK Kedah

DIV 2

UiTM Pahang	3	0	UIAM
UPS	1	1	UM
KK P Pinang	1	3	UPM

KEDUDUKAN DIV 1

	P	M	S	K	J	B	Mt
UniSZA	5	4	1	0	14	3	13
UiTM Shah Alam	3	2	1	0	6	1	7
KK Pahang	4	2	0	2	6	9	6
UiTM Perlis	3	1	0	2	6	6	3
MMU	4	1	0	3	4	11	3
KK Kedah	3	0	0	3	2	8	0
PKB	0	0	0	0	0	0	0